



JAS

EDISI 2025

JABATAN ALAM SEKITAR

E-ISSN 2710-5644



Mesyuarat 20th Conference of the Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (COP-20)

Majlis Pemakaian Pangkat Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Alam Sekitar Puan Hajah Azuri Azizah Haji Saedon



The 20th Meeting of The Committee under The Conference of The Parties to The Asean Agreement on Transboundary Haze Pollution (COM-20)



“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”



Kumpulan Editorial

PENASIHAT

Mohd Helmi bin Ahmad

KETUA EDITOR

Salkiah binti Mohamad Salleh Tan

EDITOR

Ts. Ir. Shazana binti Mohd Ibrahim

EDITOR

Zainirul Ailis binti Mustafa

ISI KANDUNGAN

PRAKATA KETUA PENGARAH JAS

3

JULAI 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PENGURUSAN SKRAP PLASTIK IMPORT BIL. 1/2025	4
THE 44TH REVOLVING FUND COMMITTEE (RFC) MEETING	5
BENGKEL PENYELARASAN PELAN KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR	6
MESYUARAT ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DENGAN UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME (UNDP) MENGENAI PROJEK HPMP III DAN IS15 DI BAWAH PROTOKOL MONTREAL	7
PELAKSANAAN PROGRAM PENSIJILAN ASAS DAN LANJUTAN PASUKAN PENYELAM (SCUBA)	8
SESI LIBAT URUS DAN MESYUARAT PENYELARASAN BUANGAN TERJADUAL DAN BAHAN BERBAHAYA 2025	9
MESYUARAT PROJECT MONITORING COMMITTEE (PMC) PROGRAM PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR (EQMP) & LAWATAN KERJA PELAKSANAAN INVESTIGATIVE SAMPLING (IS) LEMBANGAN SUNGAI KIM-KIM, JOHOR	10
PROGRAM LATIHAN BERSEPADU MENANGANI TUMPAHAN BAHAN KIMIA DI SEMPADAN MALAYSIA - SINGAPURA	11-12
MAJLIS "STREET LINING" DAN PERSARAANYBRS. TUAN HAJI SHAFE'EE BIN YASIN TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN), JABATAN ALAM SEKITAR	13

OGOS 2025

PROGRAM GOTONG-ROYONG LESTARI BERSAMA KOMUNITI MADANI KAMPUNG ANGKAT MADANI (KAM) JAS 2025	14
PROGRAM LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR KE SILICON ISLAND DEVELOPEMENT	15
KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI SUZHOU ENVIRONMENTAL PROTECTION INDUSTRY ASSOCIATION KE JABATAN ALAM SEKITAR	16
KUNJUNGAN HORMAT	
LAWATAN TAPAK KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR KE LOKASI CADANGAN TAPAK PEMBINAAN PEJABAT JAS NEGERI TERENGGANU	17
LATIHAN MELAWAN TUMPAHAN MINYAK (EX-TAMBAN) 2025	18-19
PENGANJURAN PROGRAM SINERGI JURURUNDING EIA DAN JURUAUDIT ALAM SEKITAR TAHUN 2025	20-21
KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME (UNDP) MALAYSIA, SINGAPORE & BRUNEI KE JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA	22
PROGRAM JEJAK KEMERDEKAAN PERPUSTAKAAN ENVIRODIGITAL@JAS	23

SEPTEMBER 2025

THE 20TH MEETING OF THE COMMITTEE UNDER THE CONFERENCE OF THE PARTIES TO THE ASEAN AGREEMENT ON TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION (COM-20)	24
MESYUARAT 20TH CONFERENCE OF THE PARTIES TO THE ASEAN AGREEMENT ON TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION (COP-20)	25
BENGKEL PROMOSI KAMPUS LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR (KLAAS) ZON BORNEO (SARAWAK)	26
MESYUARAT MALAYSIA-SINGAPORE JOINT COMMITTEE ON THE ENVIRONMENT WORKING GROUP (MSJCE WG) KE-21	27
BENGKEL PROMOSI KAMPUS LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR (KLAAS) ZON BORNEO (SABAH)	28
SESI LIBAT URUS STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) FOR JOINT OIL SPILL COMBAT IN THE SOUTH CHINA SEA INCLUDING BRUNEI BAY FOR BRUNEI AND MALAYSIA	29
MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN), JABATAN ALAM SEKITAR PUAN AZURI AZIZAH HAJI SAEDON	30

HEBAHAN KOLEKSI BUKU PERPUSTAKAAN EIMAS DAN IBU PEJABAT JAS

31-34

WORD PUZZLE

35

PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera



Suukur ke hadirat Allah SWT, e-Buletin Jabatan Alam Sekitar (JAS) edisi ketiga bagi tahun 2025 ini berjaya diterbitkan, menghimpunkan pelbagai inisiatif, pencapaian dan program strategik yang dilaksanakan sepanjang suku ketiga tahun ini. Tempoh ini memperlihatkan kesungguhan JAS dalam memperkukuh keberkesanan penguatkuasaan, memperluas pendidikan awam dan mempertingkatkan kesiapsiagaan terhadap cabaran pencemaran serta perubahan iklim yang semakin kompleks.

Sepanjang tempoh ini, JAS terus aktif melaksanakan program dan operasi penguatkuasaan bersepadu di seluruh negara bagi memastikan tahap pematuhan alam sekitar sentiasa berada pada paras tertinggi. Pada masa yang sama, pelbagai aktiviti Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) telah digerakkan dengan penglibatan komuniti, institusi pendidikan dan pihak industri. Kesemua usaha ini merupakan langkah penting dalam memperkukuh budaya tanggungjawab bersama terhadap alam sekitar.

Dalam masa yang sama, jabatan kini giat membuat persiapan ke arah penganjuran Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) 2025, yang akan menjadi wadah penting memperkukuh kesedaran dan penglibatan masyarakat terhadap agenda kelestarian negara. Usaha terancang ini mencerminkan komitmen JAS untuk memastikan mesej pemeliharaan alam sekitar terus sampai kepada segenap lapisan rakyat. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga JAS atas dedikasi, profesionalisme dan semangat kerja berpasukan yang tinggi dalam memastikan setiap tanggungjawab dilaksanakan dengan berkesan. Semoga penerbitan e-Buletin ini menjadi wadah perkongsian ilmu, inspirasi dan motivasi untuk kita terus melangkah ke hadapan dengan tekad memperkukuh kelestarian alam sekitar negara.

“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”

“Malaysia Madani”

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar
Jabatan Alam Sekitar Malaysia
Oktober 2025



MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PENGURUSAN SKRAP PLASTIK IMPORT BIL. 1/2025



30 JUN 2025, PUTRAJAYA - Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Skrap Plastik Import Bil. 1/2025 telah diadakan di Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Putrajaya dengan objektif untuk memperkukuhkan kerjasama di kalangan semua agensi yang berkaitan dalam memastikan pengurusan skrap plastik import dilaksanakan dengan lebih teratur selaras dengan usaha menjaga kelestarian alam sekitar negara.



Mesyuarat ini telah dipengerusikan secara bersama oleh Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah, Jabatan Alam Sekitar dan Dato' Ir. Ts. Gs. Dr. Mohd Azhar bin Abd Hamid, Ketua Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan turut dihadiri oleh Dr. Norhazni Binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Ts. Azlan Bin Ahmad, Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya daripada Jabatan Alam Sekitar.



Ahli-ahli mesyuarat lain merangkumi wakil daripada Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia (MITI), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

THE 44TH REVOLVING FUND COMMITTEE (RFC) MEETING



8 - 10 Julai 2025, SINGAPURA - Mesyuarat Revolving Fund Committee (RFC) ke-44 telah diadakan pada 9 Julai 2025 di Parkroyal on Beach Road Hotel, Singapura. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Capt. Muhammad Segar Abdullah, Chief Marine Officer/ Senior Advisor, Maritime and Port Authority of Singapore (MPA) yang turut melibatkan delegasi-delegasi daripada Indonesia, Malaysia dan Singapura.

Delegasi Malaysia telah diketuai oleh Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia selaku Ketua Delegasi dan diiringi oleh Encik Norjipin bin Saidi, Pengarah Bahagian Keselamatan Sekuriti dan Alam Sekitar, Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Puan Norina Frederick Sambang, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Air dan Marin, JAS sebagai wakil delegasi Malaysia.

Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan laporan perbelanjaan bagi tahun 2024/2025, cadangan perbelanjaan bagi pengoperasian Tabung Pusing Selat dan program/ aktiviti bagi 2 tahun akan datang (2025/2026 dan 2026/2027) serta perancangan program, aktiviti dan kos pengoperasian RF serta perkara-perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Teknikal RFC 2025 pada Februari yang lalu.

RFC ini adalah jawatankuasa yang diwujudkan untuk menguruskan dana Tabung Pusingan Selat Melaka dan Selat Singapura yang telah disumbangkan oleh pihak MSC sejak tahun 1981 bagi membantu negara pesisir Selat Melaka dan Selat Singapura iaitu Indonesia, Malaysia dan Singapura dalam mengurus pencemaran marin kesan daripada insiden tumpahan minyak yang berpunca daripada kapal yang berlaku di dalam kawasan kedua-dua selat tersebut (Selat Melaka dan Selat Singapura).

BENGGEL PENYELARASAN PELAN KOMUNIKASI, PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR



8-11 JULAI 2025, SHAH ALAM


Seksyen Penerbitan dan Perpustakaan, Bahagian Komunikasi Strategik, Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menganjurkan Bengkel Penyelarasan Pelan Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar di Mercure Kuala Lumpur Glenmarie, Shah Alam. Bengkel empat hari itu menghimpunkan pegawai-pegawai JAS dari pelbagai bahagian di Ibu Pejabat serta wakil Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) bagi memperkukuh pelaksanaan dan pemantauan Pelan Strategik JAS 2021-2030.

Penganjuran bengkel ini bertujuan memperkemas kaedah pelaporan pencapaian pelan strategik oleh setiap pegawai penyelaras (PIC), di samping membangunkan satu dokumen rujukan menyeluruh berupa Kamus Pelan Tindakan Program dan Inisiatif di bawah Pelan Strategik JAS 2021-2030. Melalui sesi libat urus, perbincangan teknikal dan penyelarasan yang dijalankan, bengkel ini telah menghasilkan penambahbaikan terhadap sistem pelaporan yang lebih teratur, tersusun dan mudah dirujuk.

Hasil pelaksanaan bengkel dijangka memberi gambaran hala tuju jabatan yang lebih jelas, memperkukuh proses membuat keputusan serta meningkatkan koordinasi dan komunikasi dalaman secara menyeluruh selaras dengan aspirasi Pelan Strategik JAS 2021-2030.



MESYUARAT ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) DENGAN UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME (UNDP) MENGENAI PROJEK HPMP III DAN IS15 DI BAWAH PROTOKOL MONTREAL



15 JULAI 2025, PUTRAJAYA

Mesyuarat bagi membincangkan pelaksanaan program Projek HPMP III dan IS15 antara Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan United Nations Development Programme (UNDP) telah diadakan di pejabat UNDP, di Menara PJH, Putrajaya.

Delegasi Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang menghadiri mesyuarat ini telah diketuai oleh YBrs. Dr. Hajah Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), serta disertai oleh Encik Salahudin bin Sidik, Pengarah Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS), dan wakil daripada Seksyen Perhubungan Antarabangsa, Bahagian Komunikasi Strategik.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai JAS serta pegawai projek dari Seksyen Perlindungan Ozon (SPO), Bahagian Udara, bagi menyertai mesyuarat tersebut. Dalam sesi ini juga, satu pembentangan mengenai status pencapaian pelaksanaan Program HPMP III dan IS15 telah disampaikan oleh Ketua Seksyen berkenaan.



Dalam mesyuarat kali ini, delegasi Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) telah diketuai oleh Encik Edward Vrkic, Resident Representative UNDP bagi Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam, yang baharu dilantik dan ditugaskan di Pejabat UNDP Malaysia. Turut hadir sama ialah Puan Manon Bernier, Deputy Resident Representative UNDP, bersama beberapa pegawai kanan lain daripada UNDP.

Sepanjang mesyuarat tersebut, UNDP dan JAS telah membincangkan kemajuan projek HPMP III, cadangan memperkukuhkan Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) dalam pembangunan kapasiti, mempertingkatkan keupayaan institusi, memperluas program Latihan, khususnya dalam pelaksanaan Protokol Montreal dan memupuk kerjasama strategik bagi menyokong pengurusan alam sekitar. Mesyuarat juga membincangkan cadangan untuk meningkatkan imej JAS dengan menyediakan ruangan galeri di Bahagian Udara bagi mempamerkan hasil dan pencapaian Malaysia dalam pelaksanaan Protokol Montreal.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Puan Manon Bernier atas segala bimbingan, komitmen dan sokongan padu beliau sepanjang pelaksanaan projek HPMP II, HPMP III dan IS14. Beliau akan memulakan tugas baharu di UNDP Afrika pada penghujung bulan ini dan sehubungan dengan itu, JAS turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya dalam meneruskan khidmat cemerlang beliau di tempat baharu.

PELAKSANAAN PROGRAM PENSIJILAN ASAS DAN LANJUTAN PASUKAN PENYELAM (SCUBA)

15 – 18 Julai 2025, PULAU PERHENTIAN

Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat telah menganjurkan Program Pensijilan Asas dan Lanjutan Pasukan Penyelam JAS pada 15 hingga 18 Julai 2025 bertempat di Pulau Perhentian, Terengganu Darul Iman. Program ini melibatkan seramai 17 orang peserta yang terdiri daripada pegawai JAS di peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan.

Program pensijilan ini dilaksanakan sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan kesiapsiagaan pasukan penyelam JAS dalam menjalankan tugas pemantauan dan penguatkuasaan di kawasan badan air. Antara tugas kritikal yang melibatkan kepakaran penyelam JAS ialah pemeriksaan projek Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA), khususnya bagi aktiviti penambakan, pengorekan serta pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar.




Latihan yang diberikan tidak hanya tertumpu kepada teknik asas menyelam, tetapi turut merangkumi kemahiran lanjutan seperti kawalan daya apung (buoyancy control), navigasi bawah air dalam keadaan visibiliti rendah, serta latihan selaman malam. Aspek keselamatan, kecekapan dan prosedur pengambilan sampel sedimen turut ditekankan bagi memastikan kerja-kerja lapangan dijalankan secara profesional dan sistematik.

Penganjuran program ini amat penting kerana ia bukan sahaja menambah bilangan penyelam JAS yang bertauliah, malah memperkukuh kebolehan sedia ada pegawai dalam menghadapi situasi mencabar di lapangan. Program ini diharap dapat melahirkan lebih ramai penyelam JAS yang berkemahiran tinggi serta mampu melaksanakan pemeriksaan, pemantauan dan penguatkuasaan di kawasan badan air dengan penuh tanggungjawab. Keupayaan teknikal ini adalah satu kelebihan penting kepada JAS dalam memastikan pemeliharaan alam sekitar negara sentiasa menjadi keutamaan.



Penganjuran program pensijilan ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dan akan diteruskan pada masa hadapan sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan kapasiti pegawai JAS. Melalui latihan berstruktur seperti ini, JAS yakin bahawa peranan pasukan penyelam akan terus diperkukuh dalam melindungi, memelihara dan memulihara sumber alam sekitar negara, khususnya di kawasan perairan.

SESI LIBAT URUS DAN MESYUARAT PENYELARASAN BUANGAN TERJADUAL DAN BAHAN BERBAHAYA 2025



18 Julai 2025, SHAH ALAM

Bahagian Bahan Berbahaya, JAS Ibu Pejabat telah menganjurkan Sesi Libat Urus dan Mesyuarat Penyelarasan Buangan Terjadual dan Bahan Berbahaya 2025 bertempat di Wyndham Garden I-City, Shah Alam pada 16 hingga 18 Julai 2025.

Mesyuarat telah disempurnakan dengan penyampaian Amanat Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar. Antara amanat penting yang disampaikan adalah komitmen Jabatan dalam memperkukuh pengurusan buangan terjadual dan bahan berbahaya melalui tindakan susulan Ops Hazard, pewartaan Perintah Perwakilan Kuasa 2025, pembangunan perundangan baharu seperti EPR untuk e-waste isi rumah, penambahbaikan sistem eSWIS V2, serta pelaksanaan kajian berkaitan ekonomi kitaran dan bahan kimia berbahaya di bawah RMK-12.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Norhazni Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah Operasi (TKPO), ini dihadiri seramai 49 orang peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai JAS daripada Ibu Pejabat dan JAS Negeri. Objektif mesyuarat penyelarasan ini diadakan adalah bagi memaklumkan dan membincangkan polisi dan arahan terkini berhubung pengurusan buangan terjadual dan bahan berbahaya yang terlibat dengan pemprosesan dan penguatkuasaan EIA.

Selain daripada itu, mesyuarat ini juga turut membincangkan penyelesaian yang terbaik bagi isu-isu berbangkit berkaitan pengurusan dan penguatkuasaan buangan terjadual serta langkah-langkah untuk memperkukuh pelaksanaan tugas pegawai JAS yang berkaitan dengan pengurusan buangan terjadual dan bahan berbahaya.

MESYUARAT PROJECT MONITORING COMMITTEE (PMC) PROGRAM PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKITAR (EQMP) & LAWATAN KERJA PELAKSANAAN INVESTIGATIVE SAMPLING (IS) LEMBANGAN SUNGAI KIM-KIM, JOHOR



22 Julai 2025, JOHOR BAHRU - Satu penganjuran Mesyuarat PMC bagi Program EQMP & Lawatan Kerja Pelaksanaan IS di Lembangan Sungai Kim-Kim, Johor telah dilaksanakan oleh JAS bertempat di Johor Bahru, Johor yang diselaraskan oleh Seksyen Kawalselia KONSESI dan Program Pengawasan, Bahagian Udara, JAS Ibu Pejabat.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar dan turut melibatkan Bahagian Pengurusan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Bahagian-Bahagian Ibu Pejabat JAS, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor dan Cawangan Pasir Gudang termasuk syarikat konsesi yang dilantik iaitu Pakar Scieno TW Sdn. Bhd (PSTW).



Mesyuarat dilaksanakan bagi memantau pelaksanaan dan pengoperasian Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP) yang telah dilaksanakan secara Public Private Partnership (PPP) bagi tempoh perjanjian selama 15 tahun. Setiap komponen EQMP iaitu pengawasan kualiti udara, air sungai, air marin dan Pusat Data Alam Sekitar (EDC) dibincangkan secara terperinci bagi memastikan pelaksanaan EQMP dilaksanakan sebaiknya.

Salah satu skop yang telah dilaksanakan di bawah Program EQMP adalah Investigative Sampling (IS) Komponen Air Sungai dan Marin di Lembangan Sungai Kim-Kim, Johor bagi mengenal pasti punca pencemar utama yang menyebabkan kemerosotan kualiti air sungai di Lembangan Sungai Kim-Kim ke arah pengurusan strategik kualiti air sungai berdasarkan pelaksanaan Total Maximum Daily Loads (TMDL). Hasil pelaksanaan IS Lembangan Sungai Kim-Kim, Johor diunjurkan untuk menjadi perintis dalam usaha untuk meningkatkan kebersamaan dengan pihak berkepentingan di peringkat Persekutuan dan Negeri, seterusnya meningkatkan kualiti air sungai di Malaysia.

PROGRAM LATIHAN BERSEPADU MENANGANI TUMPAHAN BAHAN KIMIA DI SEMPADAN MALAYSIA - SINGAPURA



23 JULAI 2025, LEBUHRAYA LINKEDUA MALAYSIA-SINGAPURA, JB

Latihan Tindak Balas Kecemasan Bahan Kimia Malaysia-Singapura kali ke-14 telah berjaya dilaksanakan pada 23 Julai 2025 bertempat di Lebuhraya Linkedua, Johor. Program ini merupakan inisiatif kerjasama dua hala di bawah *Malaysia-Singapore Joint Committee on the Environment (MSJCE)* yang bertujuan untuk meningkatkan kesiapsiagaan kedua-dua negara dalam menghadapi insiden kimia rentas sempadan.

Objektif utama latihan ini adalah untuk :

- 1.Meningkatkan tahap kesiapsiagaan, kecekapan dan keberkesanan agensi-agensi berkaitan dari Malaysia dan Singapura;
- 2.Menguji keberkesanan Pelan Tindak Balas Kecemasan Bersama bagi insiden kimia rentas sempadan;
- 3.Memperkukuh komunikasi dan kerjasama antara agensi dari kedua-dua negara.

Setiap tahun, dianggarkan lebih 150,000 tan bahan kimia berbahaya diangkut melalui Laluan Kedua Malaysia-Singapura. Justeru itu, satu pelan tindakan bersama telah dibangunkan dan diuji secara berkala menerusi latihan dwitahunan yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan pihak industri dari kedua-dua negara.

Untuk tahun 2025, senario latihan telah mensimulasikan satu insiden kemalangan melibatkan beberapa kenderaan awam yang menyebabkan berlakunya tumpahan bahan kimia di lokasi kejadian. Simulasi berkenaan melibatkan sebuah lori yang membawa tong natrium hidroksida pekat yang hilang kawalan dan melanggar sebuah tangki ISO yang membawa ammonia tanpa air dari Singapura ke Pasir Gudang, Malaysia. Sebuah kereta turut terlibat dalam kemalangan apabila melanggar lori tersebut.





Latihan ini telah melibatkan penyertaan sebanyak 15 agensi dan syarikat utama dari kedua-dua negara. Penyertaan ini mencerminkan komitmen bersama dalam memperkukuh kesiapsiagaan menghadapi insiden bahan kimia merentasi sempadan.

Agensi dan syarikat dari Malaysia yang terlibat termasuk:

1. Jabatan Alam Sekitar (JAS)
2. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
3. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
4. Polis Diraja Malaysia (PDRM)
5. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
6. Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS)
7. Majlis Keselamatan Negara (MKN)
8. Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
9. Kementerian Dalam Negeri (KDN)
10. PLUS Malaysia Berhad
11. Edgenta Infrastructure Services (EIS)
12. Sapura Research Berhad

Manakala dari Singapura, agensi yang terlibat ialah:

1. National Environment Agency (NEA)
2. Immigration & Checkpoints Authority (ICA)
3. Singapore Civil Defence Force (SCDF)

Encik Wong Kang Jet, Ketua Eksekutif NEA, menyatakan "Singapura dan Malaysia perlu terus memperkukuh kerjasama melalui latihan seperti ini yang melibatkan senario dan bahan kimia yang berbeza. Latihan hari ini berjaya kerana hubungan dua hala yang kukuh dan lama terjalin."

Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah JAS, berkata "Saya percaya kepada komitmen dan kerjasama erat antara agensi kedua-dua negara dalam memastikan kejayaan latihan ini. Pewartaan kuasa kepada 13 agensi di Malaysia pada 7 Julai 2025 membolehkan pelaksanaan tugas yang lebih bersepadu dan berkesan, selaras dengan usaha memperkukuh keyakinan awam terhadap sistem pengawalseliaan alam sekitar negara."

Latihan ini membuktikan bahawa pendekatan bersama antara Malaysia dan Singapura dalam menangani ancaman kimia rentas sempadan adalah berkesan, responsif dan strategik. Malaysia-Singapore Joint Committee on the Environment (MSJCE) terus komited untuk memperkukuh kerjasama teknikal dan operasi demi keselamatan awam serta perlindungan alam sekitar serantau.



MAJLIS “STREET LINING” DAN PERSARAAN YBRS. TUAN HAJI SHAFE’EE BIN YASIN TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN), JABATAN ALAM SEKITAR



25 JULAI 2025, PUTRAJAYA - Majlis persaraan bagi meraikan YBrs. Tuan Haji Shafe'ee bin Yasin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Alam Sekitar telah berlangsung dalam suasana penuh istiadat, tertib dan penghormatan sebagai simbol penghargaan tertinggi jabatan kepada barisan pengurusan tertinggi yang telah menamatkan perkhidmatan.

Majlis dimulakan dengan sesi rasmi di Bilik Mesyuarat Cempaka, yang turut diserikan dengan kehadiran kepimpinan utama jabatan:

- YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar
- YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- Para Pengarah Bahagian JAS Ibu Pejabat dan Pengarah-Pengarah JAS Negeri

Sesi ini merangkumi ucapan penghargaan, penyerahan tugas rasmi, penyampaian cenderahati serta bacaan doa, sebelum diakhiri dengan sesi bergambar kenangan. Acara simbolik clock-out oleh YBrs. Tuan Haji turut dijalankan sebagai tanda rasmi penamatan perkhidmatan beliau dalam perkhidmatan awam.



Sebagai kemuncak penghormatan, warga Jabatan Alam Sekitar berdiri dalam barisan penuh tertib dalam acara Street Lining di sepanjang laluan keluar berhampiran Dewan Baiduri, bagi mengiringi pergerakan YBrs. Tuan Haji Shafe'ee ke kenderaan jabatan — satu simbolik perpisahan yang penuh makna kepada seorang tokoh yang telah banyak berjasa.

Kepimpinan, ketokohan dan khidmat bakti beliau akan terus dikenang dan menjadi inspirasi serta panduan kepada seluruh warga jabatan dalam meneruskan agenda pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar negara.



PROGRAM GOTONG-ROYONG LESTARI BERSAMA KOMUNITI MADANI KAMPUNG ANGKAT MADANI (KAM) JAS 2025



**9 OGOS 2025 | KAMPUNG LINGGI,
NEGERI SEMBILAN**

Jabatan Alam Sekitar (JAS) melalui Bahagian Komunikasi Strategik (BKS), dengan kerjasama JAS Negeri Sembilan, komuniti Kampung Linggi dan SMK Datuk Muhammad Yusof, telah berjaya melaksanakan Program Gotong-Royong Lestari Bersama Komuniti MADANI di bawah inisiatif Kampung Angkat MADANI (KAM) JAS 2025.

Aktiviti yang dijalankan termasuk mengecat dan kerja gotong-royong menceriakan kawasan sekolah yang melibatkan komuniti setempat serta pelajar-pelajar SMK Datuk Muhammad Yusof. Program ini dilaksanakan bagi memupuk semangat kerjasama serta memperkasa budaya kelestarian alam sekitar dalam kalangan komuniti setempat.



Majlis telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar Ketua Pengarah Alam Sekitar yang merakamkan penghargaan atas komitmen semua pihak dan menyeru sokongan berterusan bagi memastikan kejayaan KAM JAS 2025 di Kampung Linggi.

Pihak Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua 200 orang daripada JPKK Kg Linggi, pihak sekolah, guru-guru, pelajar serta semua sukarelawan atas penglibatan aktif dalam program ini.



PROGRAM LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR KE SILICON ISLAND DEVELOPEMENT



15 OGOS 2025, PULAU PINANG

Hari ini satu sesi lawatan kerja oleh Ketua Pengarah Alam Sekitar, Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar dengan diiringi oleh Ts. Azman Shah bin Ismail, Timbalan Pengarah JAS Pulau Pinang, Ts. Dr. Abdul Rahman bin Mahmud, Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan) dan penguatkuasa dari Unit Penguatkuasaan EIA ke projek penambakan Silicon Island Development.

Lawatan ini diadakan adalah untuk meninjau status operasi projek EIA bagi aktiviti penambakan 'The Proposed Reclamation & Dredging Works of Penang South Reclamation (PSR) Penang'. Selain itu, lawatan ini juga bagi mendapatkan maklumat mengenai isu-isu berbangkit yang dihadapi bagi projek ini.



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI SUZHOU ENVIRONMENTAL PROTECTION INDUSTRY ASSOCIATION KE JABATAN ALAM SEKITAR



18 OGOS 2025, PUTRAJAYA

Jabatan Alam Sekitar (JAS) berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada delegasi Suzhou Environmental Protection Industry Association, China yang diketuai oleh Pengerusinya, Encik Ma Ji.

Sesi ini telah dipengerusikan oleh YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAS, dengan kehadiran Encik Rosli bin Zul, Pengarah Bahagian Penguatkuasa, serta pegawai kanan daripada Bahagian Udara, Bahagian Penguatkuasa, dan Bahagian Komunikasi Strategik.

Kunjungan ini bertujuan memperkukuh persefahaman dua hala dalam pengurusan alam sekitar, terutamanya berkaitan kualiti udara dan kawalan pencemaran. Delegasi telah diberi taklimat mengenai dasar, perundangan serta pelbagai inisiatif JAS, termasuk Pelan Tindakan Udara Bersih Kebangsaan dan Blueprint Program Pemantauan Kualiti Alam Sekeliling (EQMP) yang kini di peringkat akhir penyediaan. Inisiatif ini mencerminkan komitmen JAS dalam usaha berterusan meningkatkan kualiti udara di Malaysia.



Delegasi Suzhou, China turut berkongsi maklumat berkaitan pengenalan mengenai situasi semasa dan trend pembangunan serta usaha promosi dan inovasi dalam industri perlindungan alam sekitar di peringkat tempatan dan antarabangsa di China. Satu pembentangan teknikal mengenai teknologi kawalan pencemaran turut diadakan sebagai platform pertukaran pengetahuan dan amalan terbaik.

Delegasi turut dibawa melawat ke Pusat Data Alam Sekitar, di mana mereka diperkenalkan kepada rangkaian pemantauan kualiti udara, air sungai dan air marin yang dilaksanakan di seluruh negara di bawah EQMP.

JAS berharap kunjungan ini menjadi pemangkin kepada jalinan kerjasama strategik antara Malaysia dan China dalam bidang pengurusan alam sekitar, sekali gus memperkukuh inovasi, perkongsian ilmu dan usaha perlindungan alam sekitar secara bersama di peringkat serantau dan global.





LAWATAN TAPAK KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR KE LOKASI CADANGAN TAPAK PEMBINAAN PEJABAT JAS NEGERI TERENGGANU

19 OGOS 2025, TERENGGANU

Ketua Pengarah Alam Sekitar, Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar bersama Pengarah JAS Negeri Terengganu, Encik Hamzah Mohamad hari ini turun padang meninjau tapak cadangan pembinaan pejabat baharu Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Terengganu.

Cadangan pembinaan pejabat ini adalah sebahagian daripada usaha JAS untuk menyediakan kemudahan yang lebih kondusif kepada pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan tugas seharian. Bangunan baharu yang dirancang bukan sahaja akan menampilkan reka bentuk moden dan mesra alam, malah turut dilengkapi dengan prasarana lengkap untuk menyokong kecekapan kerja serta pengurusan organisasi.



Selain itu, pejabat ini juga akan menyediakan ruang khas untuk penempatan bahan kes yang lebih sistematik serta kemudahan mesra pelanggan bagi memperkukuh mutu penyampaian perkhidmatan JAS kepada masyarakat.

Langkah ini mencerminkan iltizam berterusan JAS dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan, di samping memastikan suasana kerja yang lebih selesa, profesional dan seiring dengan aspirasi kerajaan dalam memperkukuh tadbir urus alam sekitar negara.

LATIHAN MELAWAN TUMPAHAN MINYAK (EX-TAMBAN) 2025



19-20 OGOS 2025, TERENGGANU

Jabatan Alam Sekitar (JAS) terus komited memastikan tatakelola kawalan pencemaran minyak dipatuhi oleh semua pihak bagi meminimumkan impak terhadap alam sekitar serta memperkukuh koordinasi apabila berlakunya krisis. Bagi merealisasikan komitmen ini, Latihan Melawan Tumpahan Minyak (Ex-Tamban) yang dianjurkan secara berkala bersama pihak industri dan agensi kerajaan telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia dengan diiringi Encik Mohamed Mursyidie Mohamed Ali, Pengurus Besar MPM PETRONAS di Kerteh Port, Terengganu. Turut hadir dalam majlis ini ialah Timbalan Pengarah Jabatan Laut Wilayah Timur, En. Mohamad Halizam bin Samsuri, Country Manager Jadestone Energy, Encik Fauzi Abbas dan HSEA Manager, Enquest En. Vikneswaran Munusamy.





Menariknya, latihan yang berjalan selama dua hari daripada 19-20 Ogos 2025 dan melibatkan seramai 150 orang peserta daripada pelbagai Jabatan dan Agensi, kali ini turut menampilkan penggunaan teknologi moden termasuk kecerdasan buatan (AI) sebagai medium simulasi, selain pengoperasian aset Oil Spill Equipment daripada PIMMAG yang digerakkan melalui field deployment di laut. Latihan Ex-Tamban turut menekankan kepentingan koordinasi dan komunikasi antara semua agensi terlibat. Sepanjang tiga hari penganjuran, beberapa pelan tindakan telah diuji keberkesannya, termasuk:

- Oil Spill Response Plan (OSRP) oleh EnQuest dan Jadestone,
- Malaysia Oil Spill Contingency Plan (MOSCoP), dan
- Mekanisme Request for Government Assistance for Oil Spill Response (Tier 1 & 2 Industry).

JAS juga terus komited melalui beberapa siri bengkel dan simulasi untuk memperkukuhkan sistem penyampaian dengan melatih pegawai-pegawai daripada JAS negeri dalam meningkatkan keupayaan respons, dan turut menjadi platform perkongsian kepakaran, teknologi, sistem kawalan dan kaedah komunikasi yang lebih teratur antara semua pihak. Kejayaan Ex-Tamban jelas menunjukkan bahawa komitmen dan kerjasama menyeluruh adalah kunci utama, bukan sahaja ketika latihan dijalankan malah lebih kritikal apabila berdepan insiden sebenar. Usaha ini sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 14: Memulihara dan Menggunakan Secara Lestari Lautan, Laut serta Sumber Marin.

PENGANJURAN PROGRAM SINERGI JURURUNDING EIA DAN JURUAUDIT ALAM SEKITAR TAHUN 2025

20 OGOS 2025, KAJANG SELANGOR

Bahagian Penilaian, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menganjurkan Program Sinergi Jururunding EIA dan Juruaudit Alam Sekitar Tahun 2025 bertempat di Auditorium Ilmiah, TNB Research Sdn. Bhd., Kajang pada 20 Ogos 2025. Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Penilaian, JAS, YBrs. En. Norazizi Bin Adinan.

Program ini diadakan bertujuan untuk memaklumkan dan berkongsi garis panduan, arahan, undang-undang dan kajian kes yang terkini berkaitan dengan pengurusan alam sekitar secara umumnya dan EIA secara khususnya.



Program ini telah dihadiri seramai 196 orang peserta yang terdiri daripada pegawai JAS Ibu Pejabat, pegawai JAS Negeri, TNB Research Sdn Bhd, Jururunding EIA dan Juruaudit Alam Sekitar yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar. Sebanyak 4 kertas pembentangan telah dikongsikan pada program ini yang disampaikan masing-masing oleh wakil daripada Bahagian Penguatkuasa, Bahagian Penilaian dan Bahagian Bahan Berbahaya daripada JAS dan TNB Research Sdn Bhd. Adalah diharapkan perkongsian di dalam program ini akan membantu mempertingkatkan mutu perkhidmatan JAS dan pematuhan projek-projek EIA di seluruh Malaysia.

Klinik khidmat nasihat Jururunding EIA dan Juruaudit Alam Sekitar, reruai Rakan Alam Sekitar (RAS) dan reruai TNB Research Sdn. Bhd. juga telah dibuka semasa program ini untuk membolehkan semua peserta mendapatkan khidmat nasihat dan maklumat berkaitan.

JAS merakamkan setinggi penghargaan kepada TNB Research Sdn. Bhd. di atas kesudian untuk bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar dengan menyediakan lokasi program ini. Semoga sokongan dan kerjasama ini akan sentiasa diteruskan pada masa akan datang.

Petugas :

- 29 orang pegawai dari Bahagian Penilaian; dan
- 4 orang pegawai dari lain-lain Bahagian JAS Ibu Pejabat.

Perkongsian di dalam program ini diharap dapat membantu memberikan maklumat terkini kepada semua peserta tentang keperluan terkini JAS dari aspek prosedur EIA dan pelaksanaan projek EIA.

Sesi perkongsian oleh TNB Research Sdn Bhd juga diharap akan dapat menjadi contoh kepada semua peserta dalam memastikan usaha berterusan dalam pematuhan syarat-syarat EIA secara khususnya.



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME (UNDP) MALAYSIA, SINGAPORE & BRUNEI KE JABATAN ALAM SEKITAR MALAYSIA



22 OGOS 2025, PUTRAJAYA

Jabatan Alam Sekitar Malaysia telah menerima kunjungan hormat daripada delegasi United Nations Development Programme (UNDP) yang diketuai oleh Encik Edward Vrkić, Resident Representative UNDP Malaysia, Singapura & Brunei. Delegasi ini turut disertai oleh Encik Besian Xhezso, Deputy Resident Representative dan Puan Therese Thiu, Programme Analyst Climate and Energy.

Kunjungan hormat ini telah disambut oleh Dr. Norhazni Bt Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) JAS, dan turut disertai oleh Pengarah Bahagian Air dan Marin, Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya serta pegawai-pegawai kanan dari Bahagian Air dan Marin, Bahagian Penguatkuasa dan Seksyen Perlindungan Ozon, Bahagian Udara.

Pertemuan tersebut memberi ruang untuk berbincang lanjut mengenai pelaksanaan Pelan Pengurusan Penghapusan HCFC Peringkat III (HPMP III) yang sedang dilaksanakan oleh kedua-dua pihak dan meneroka sebarang peluang kerjasama baharu antara JAS dan UNDP termasuk bagi sektor kawalan tumpahan minyak serta pendekatan ekonomi kitaran bagi buangan terjadual. Melalui sesi perbincangan ini juga, JAS turut berkongsi perkembangan dan status kemajuan pelaksanaan program-program di bawah HPMP III, termasuk usaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pemegang taruh, program Pembangunan kapasiti dan latihan teknikal serta pengukuhan aktiviti penguatkuasaan di kalangan agensi-agensi yang terlibat.

Turut dibincangkan ialah aspek pembangunan kapasiti, penyediaan latihan, sokongan teknikal, serta usaha yang menitik beratkan aspek inklusiviti dalam pelaksanaan program alam sekitar yang boleh disumbangkan oleh pihak UNDP dalam sama-sama menyokong peranan dan usaha JAS dalam menguatkuasakan perundangan berkaitan kawalan kualiti persekitaran. Selain itu, pertemuan ini juga membincangkan inisiatif pembangunan mampan yang menyokong komitmen Malaysia dalam melestarikan alam sekitar, sejajar dengan tanggungjawab negara di bawah Protokol Montreal dan agenda alam sekitar secara menyeluruh.

JAS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UNDP dalam memberi sokongan yang berterusan, dan berharap agar kerjasama ini akan terus dapat diperkukuh demi mencapai matlamat serta hasrat bersama dalam melindungi lapisan ozon dan alam sekitar secara keseluruhannya.



PROGRAM JEJAK KEMERDEKAAN PERPUSTAKAAN ENVIRODIGITAL@JAS



25-29 OGOS 2025, PUTRAJAYA – Jabatan Alam Sekitar telah mengadakan Program Jejak Kemerdekaan dianjurkan di bawah Perpustakaan Enviro Digital@JAS. Program ini dilaksanakan bersempena dengan Sambutan Ambang Kemerdekaan ke-68 dengan tema: Malaysia Madani, Rakyat disantuni dengan pengisian program-program menarik seperti Pameran Watikah Pemasyhuran Kemerdekaan 1957, Tayangan Filem Kemerdekaan: Takluk Lahad Datu serta Kuiz Cari Kata dan Transliterasi Manuskrip Melayu.

Menariknya, Pameran Rahsia Keagungan Cap Mohor Manuskrip Melayu turut diadakan bagi membuktikan bahawa sistem pentadbiran di Malaysia adalah tersusun sebelum bermulanya penjajahan. Pameran ini juga menunjukkan bagaimana cap mohor digunakan dalam perjanjian, undang-undang, atau pemasyhuran sepertimana perisytiharan kemerdekaan 1957 dan sebagai simbol kepada kuasa mutlak raja-raja bagi kesahihan sesuatu dokumen rasmi.



Program ini turut mempromosikan kepentingan penjagaan alam sekitar melalui tayangan video alam sekitar sebagai pemula kepada Tayangan Filem Kemerdekaan: Takluk Lahad Datu. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar, YBrs. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar di atas lawatan ke Program Jejak Kemerdekaan Perpustakaan Enviro Digital@JAS diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), YBrs. Dr. Norhazni binti Mat Sari dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), YBrs. Puan Hajah Azuri Azizah binti Hj. Saedon.

Turut hadir memeriahkan program, kehadiran pegawai dari Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat dan JAS Negeri, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian yang menyertai program ini (JKPTG). Jutaan terima kasih kepada Arkib Negara Malaysia dan Perpustakaan Negara Malaysia di atas kerjasama menjayakan program ini.

THE 20TH MEETING OF THE COMMITTEE UNDER THE CONFERENCE OF THE PARTIES TO THE ASEAN AGREEMENT ON TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION (COM-20)


2 SEPTEMBER 2025, LANGKAWI

Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat COM-20 yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh semua Negara Anggota ASEAN, iaitu Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Viet Nam. Delegasi Malaysia diketuai oleh Puan Nor Aziah binti Jaafar, Pengarah Bahagian Udara, Jabatan Alam Sekitar.



Mesyuarat kali ini menjadi platform penting untuk menilai pencapaian negara anggota dalam melaksanakan *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (AATHP)* serta memperkukuh komitmen serantau bagi merealisasikan aspirasi ASEAN bebas jerebu menjelang tahun 2030. Perbincangan menekankan pelaksanaan penuh ASEAN Haze-Free Roadmap 2023–2030 sebagai panduan utama, dengan memberi fokus kepada:

- kesiapsiagaan menghadapi risiko kebakaran hutan dan tanah gambut semasa musim monsun barat daya,
- pengukuhan mekanisme koordinasi serantau bagi memastikan tindak balas pantas dan berkesan, serta
- pengurusan lestari tanah gambut bagi melindungi biodiversiti dan kesejahteraan komuniti.



Selain itu, mesyuarat turut memberi perhatian kepada penyertaan Timor-Leste dalam perjanjian ini, yang menandakan langkah penting ke arah memperkukuh kerjasama serantau dalam menangani isu pencemaran jerebu rentas sempadan.

Malaysia menegaskan kepentingan kerjasama erat dan berterusan antara Negara Anggota, di samping pelaburan jangka panjang dalam amalan guna tanah mampan, pembangunan kapasiti sumber manusia serta sokongan teknologi daripada rakan antarabangsa. Usaha bersepadu ini diyakini mampu mencegah berlakunya kejadian jerebu rentas sempadan dan seterusnya menyokong aspirasi rantau ASEAN ke arah pembangunan mampan.



MESYUARAT 20TH CONFERENCE OF THE PARTIES TO THE ASEAN AGREEMENT ON TRANSBOUNDARY HAZE POLLUTION (COP-20)



3 SEPTEMBER 2025, LANGKAWI

Mesyuarat 20th Conference of the Parties to the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution (COP-20) telah diadakan pada 3 September 2025. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Johari Abdul Ghani, Menteri Perladangan dan Komoditi memangku Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam.



Antara agenda penting ialah pembentangan Laporan COM-20 oleh Dato' Wan Abdul Latiff, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia merangkap Pengerusi COM-20. Laporan tersebut meliputi:

- Situasi kebakaran dan jerebu di rantau ASEAN tahun 2025, termasuk peningkatan hotspot di Sumatera dan Borneo.
- Perkembangan sistem *Southeast Asia Fire Danger Rating System (SEA FDRS)* yang menyokong ramalan dan amaran kebakaran di rantau ini.
- Kemajuan pelaksanaan *ASEAN Haze-Free Roadmap 2023-2030* dan *ASEAN Peatland Management Strategy (APMS) 2023-2030*.
- Penubuhan *ASEAN Coordinating Centre for Transboundary Haze Pollution Control (ACC THPC)* sebagai pusat kerjasama serantau.
- Perkembangan ke arah penyertaan Timor-Leste dalam perjanjian ini.



Malaysia menegaskan komitmen untuk memperkukuh kerjasama ASEAN dalam menangani cabaran jerebu dan mendukung aspirasi *ASEAN Haze-Free 2030*.

BENKEL PROMOSI KAMPUS LESTARI-ANUGERAH ALAM SEKITAR (KLAAS) ZON BORNEO (SARAWAK)

8-10 SEPTEMBER 2025, KUCHING

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menganjurkan jerayawara iaitu Bengkel Promosi Kampus Lestari – Anugerah Alam Sekitar (KLAAS) Zon Borneo (Sarawak) bertempat di Legacy Hill Hotel, Kuching. KLAAS merupakan inisiatif JAS dalam usaha membudayakan amalan kelestarian dalam persekitaran Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) melalui pemeraksanaan peranan warga kampus. Program KLAAS diperkenalkan bagi memberi pengiktirafan kepada IPT yang menunjukkan komitmen dan prestasi cemerlang dalam aspek kelestarian kampus. Pelaksanaan KLAAS melibatkan Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Politeknik dan Kolej Komuniti.

Sesi libat urus ini dihadiri oleh pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan wakil-wakil IPT di negeri Sarawak. Penganjuran ini merupakan kerjasama JAS dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM. Bengkel ini dirasmikan oleh Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS bertujuan sebagai aktiviti promosi dan penyebaran maklumat kepada pihak berkepentingan semua IPT di negeri Sarawak bagi pelaksanaan KLAAS ini.




Para peserta bengkel juga dibawa melawat ke salah sebuah IPT di Malaysia iaitu Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang terletak berhampiran dengan lokasi bengkel bagi memberi perkongsian amalan kelestarian yang telah dilaksanakan di kampus UNIMAS. JAS dengan berbesar hati mengucapkan penghargaan kepada pihak pengurusan UNIMAS kerana sudi menerima kunjungan dan memberikan perkongsian kepada peserta bengkel.

Pihak kementerian berharap agar KLAAS dapat menjadi satu penanda aras kepada gerakan kampus lestari di seluruh negara, dan pada masa yang sama memupuk budaya tanggungjawab alam sekitar dalam kalangan warga IPT. Komitmen berterusan daripada semua pihak sangat diharapkan bagi memastikan impian ke arah Malaysia yang lebih hijau dan lestari dapat direalisasikan. Semoga usaha ini menjadi titik permulaan kepada transformasi kampus yang lebih mampan dan mesra alam.



MESYUARAT MALAYSIA-SINGAPORE JOINT COMMITTEE ON THE ENVIRONMENT WORKING GROUP (MSJCE WG) KE-21



11 SEPTEMBER 2025, SINGAPURA

Mesyuarat MSJCE WG ke-21 telah berlangsung pada 9 hingga 11 September 2025 di Singapura, selaku tuan rumah.

Mesyuarat ini dipengerusikan bersama oleh YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia dan Encik Wong Kang Jet, Ketua Pegawai Eksekutif National Environment Agency (NEA) Singapura.

Delegasi Malaysia terdiri daripada wakil Jabatan Alam Sekitar, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, serta pelbagai agensi lain termasuk Pejabat Peguam Negara, Kementerian Luar Negeri, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Laut Malaysia, Lembaga Pelabuhan Johor, Pusat Hidrografi Nasional, Agensi Angkasa Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, serta Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.



Delegasi Singapura pula melibatkan penyertaan dari NEA, Ministry of Sustainability and the Environment, Ministry of Foreign Affairs, Attorney-General's Chambers, Ministry of National Development, Maritime and Port Authority, Public Utilities Board, Housing and Development Board, National Parks Board dan Jurong Town Council. Antara perkara utama yang dibincangkan dalam Mesyuarat MSJCE WG ke-21:

- Kawalan pencemaran dan pemantauan kualiti alam sekitar termasuk kenderaan bermotor
- Pemantauan kualiti air laut secara bersama
- Latihan dan kerjasama tangani tumpahan bahan kimia dan minyak
- Bengkel pembangunan kapasiti antara EIMAS dan SEI (Okt. 2025, Malaysia)
- Perkongsian maklumat mengenai program pemuliharaan ekologi Selat Johor

Delegasi turut melawat Mandai Bird Paradise, destinasi mesra alam dengan pelbagai inisiatif lestari.

Dalam ucapan penutupan Mesyuarat MSJCE WG ke-21, YBhg. Dato' menzahirkan penghargaan atas kerjasama kukuh kedua-dua negara dan menantikan kehadiran delegasi ke Mesyuarat MSJCE WG ke-22 di Malaysia tahun hadapan, bagi meneruskan agenda alam sekitar serantau.

BENGGEL PROMOSI KAMPUS LESTARI- ANUGERAH ALAM SEKITAR (KLAAS) ZON BORNEO (SABAH)

10-12 SEPTEMBER 2025, KOTA KINABALU

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menganjurkan jerayawara iaitu Bengkel Promosi Kampus Lestari – Anugerah Alam Sekitar (KLAAS) Zon Borneo (Sabah) bertempat di Grandis Hotel & Resorts, Kota Kinabalu. KLAAS merupakan inisiatif JAS dalam usaha membudayakan amalan kelestarian dalam persekitaran Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) melalui pemeraksanaan peranan warga kampus. Program KLAAS diperkenalkan bagi memberi pengiktirafan kepada IPT yang menunjukkan komitmen dan prestasi cemerlang dalam aspek kelestarian kampus. Pelaksanaan KLAAS melibatkan Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Politeknik dan Kolej Komuniti.



Para peserta bengkel juga dibawa melawat ke salah sebuah IPT di Malaysia iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang terletak berhampiran dengan lokasi bengkel bagi memberi perkongsian amalan kelestarian yang telah dilaksanakan di kampus UMS. JAS dengan berbesar hati mengucapkan penghargaan kepada pihak pengurusan UMS kerana sudi menerima kunjungan dan memberikan perkongsian kepada peserta bengkel.

Pihak kementerian berharap agar KLAAS dapat menjadi satu penanda aras kepada gerakan kampus lestari di seluruh negara, dan pada masa yang sama memupuk budaya tanggungjawab alam sekitar dalam kalangan warga IPT. Komitmen berterusan daripada semua pihak sangat diharapkan bagi memastikan impian ke arah Malaysia yang lebih hijau dan lestari dapat direalisasikan. Semoga usaha ini menjadi titik permulaan kepada transformasi kampus yang lebih mampan dan mesra alam.



Sesi libat urus ini dihadiri oleh pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan wakil-wakil IPT di negeri Sabah. Penganjuran ini merupakan kerjasama JAS dan Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM. Bengkel ini dirasmikan oleh Puan Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) JAS bertujuan sebagai aktiviti promosi dan penyebaran maklumat kepada pihak berkepentingan semua IPT di negeri Sabah bagi pelaksanaan KLAAS ini.



SESI LIBAT URUS STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) FOR JOINT OIL SPILL COMBAT IN THE SOUTH CHINA SEA INCLUDING BRUNEI BAY FOR BRUNEI AND MALAYSIA



18 SEPTEMBER 2025, MIRI

Bahagian Air & Marin, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengadakan Sesi Libat Urus Standard Operating Procedure (SOP) For Oil Spill Combat in the South China Sea Including Brunei Bay For Brunei and Malaysia pada 17 hingga 19 September 2025.

Sesi libat urus ini telah dipengerusikan bersama antara YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia dengan YBr. Captain (R) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman, Chief Executive, Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD).



Seramai 21 delegasi dari Malaysia dan Brunei telah menghadiri sesi libat urus kali ini yang terdiri daripada Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD) Pengarah JAS Sarawak, Sabah, W.P. Labuan dan wakil Jabatan Laut Malaysia (JLM).

Objektif utama sesi libat adalah untuk membentangkan SOP for Joint Oil Spill Combat in the South China Sea Including Brunei Bay for Brunei and Malaysia, pengemaskinian SOP for Joint Oil Spill Combat in the South China Sea Including Brunei Bay for Brunei and Malaysia dan cadangan penambahbaikan SOP for Joint Oil Spill Combat in the South China Sea Including Brunei Bay for Brunei and Malaysia.



MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN), JABATAN ALAM SEKITAR PUAN AZURI AZIZAH HAJI SAEDON

22 SEPTEMBER 2025, PUTRAJAYA

Dato' Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, Ketua Pengarah Alam Sekitar bersama Dr. Norhazni Mat Sari, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) telah menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), Jabatan Alam Sekitar Puan Azuri Azizah Haji Saedon yang telah dilantik pada 2 September 2025. Majlis ini turut disaksikan oleh semua Pengarah-Pengarah Ibu Pejabat dan Negeri.




Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS

BIL 48/20

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Operation of Extended Aeration Package Plants



This manual covers many important aspects of this variation of the activated sludge treatment process, from installation of prefabricated treatment plant packages to operation of the process, tests and maintenance, adhering to regulatory requirements, and safety and health considerations. Operation of Extended Aeration Package Plants (MOP OM-7) is a valuable guide for the individual who is operating a treatment plant with a design flow of up to 5 L/s (100 000 gpd).


MORE INFO :
 INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA
 03 -8926 1500
www.eima.doe.gov.my

BIL 50/2

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

GEOGRAPHICAL DATA

Characteristics and Sources



Provides a comprehensive overview of the characteristics relating to remote sensing, cartography, censuses/surveys and administrative/statutory. Presents up-to-date information in this remarkable growth area, with clear explanations of the problems and pitfalls as well as the potentiality of analysing geographical data.


MORE INFO :
 INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EIMAS)
 03 -8926 1500
WWW.EIMAS.DOE.GOV.MY

BIL.66/202

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

ELEMENTS OF ENVIRONMENTAL ENGINEERING

Thermodynamics and Kinetics



Each chapter has been rewritten and includes new examples that better illuminate the theories discussed. An excellent introduction to environmental engineering, this reference stands alone in its multimedia approach to fate and transport modeling and in pollution control design options. Clearly and lucidly written, it provides extensive tables, figures, and data that make it the reference to have on this subject.


More Info :
www.eimas.doe.gov.my

BIL.69/202

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Installing Environmental Management Systems

A Step-by-step Guide



A practical handbook for corporate executives and project managers on how to establish and maintain an effective environmental management system (EMS), including ISO 14001 and the European Eco-Management and Audit Scheme (EMAS). It draws on the authors' hands-on experience in implementing EMSs and training others to do so.

MORE INFO ▶ **PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS**
www.eimas.doe.gov.my

Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS

BIL. 65/

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

TEN TASKS OF CHANGE

Demystifying Changing Organizations

Bridging the gap between theory and practice, Evans and Schaefer give you a logical framework for:

- Thinking through the objectives of the work of change
- Planning the activities to achieve those objectives
- Using a selection of best-practices principles to accomplish them ... and much more!

More Info : www.eimas.doe.gov.my

BIL. 67

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

OIL SPILL IMPACTS

Taxonomic And Ontological Approaches

The book includes an interdisciplinary oil spill taxonomy, an oil spill topic map, and highlights information-organization tools, such as indexes,onomies, and topic maps that can be used to connect information resources with concepts of interest. The topic map combines the function of ontology with the function of organized information resources, and contains thousands of concepts and their relationships extracted from approximately 300 documents stemming from various academic conference presentations, journal articles, news reports, and web pages.


OIL SPILL IMPACTS
Taxonomic and Ontological Approaches

Edited by Yujun Wu

MORE INFO : www.eimas.doe.gov.my

BIL. 57/2025

GLOBAL WARMING MYTH OR REALITY




In the global-warming debate, definitive answers to questions about ultimate causes and effects remain elusive. In *Global Warming: Myth or Reality?* Marcel Leroux seeks to separate fact from fiction in this critical debate from a climatological perspective. Beginning with a review of the dire hypotheses for climate trends, the author describes the history of the 1998 Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) and many subsequent conferences

MORE INFO : [PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS](http://www.eimas.doe.gov.my)
03 - 8926 1500 | www.eimas.doe.gov.my

BIL. 63/202

Practical Environmental Forensics

Process and Case Histories



With real-world examples and advice on both scientific and legal issues, *Practical Environmental Forensics* stands on the front line of this new interdisciplinary approach to the environmental litigation process. Compiled by experts with decades of combined experience in teaching, research, consulting, and litigation, it is the first book to offer a comprehensive presentation of environmental forensics


MORE INFO : [PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS](http://www.eimas.doe.gov.my)
www.eimas.doe.gov.my

Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS

BIL 48/20

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Operation of Extended Aeration Package Plants



This manual covers many important aspects of this variation of the activated sludge treatment process, from installation of prefabricated treatment plant packages to operation of the process, tests and maintenance, adhering to regulatory requirements, and safety and health considerations. Operation of Extended Aeration Package Plants (MOP OM-7) is a valuable guide for the individual who is operating a treatment plant with a design flow of up to 5 L/s (100 000 gpd).


MORE INFO :
 INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA
 03 -8926 1500
www.eima.doe.gov.my

BIL 50/

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

GEOGRAPHICAL DATA

Characteristics and Sources




Provides a comprehensive overview of the characteristics relating to remote sensing, cartography, censuses/surveys and administrative/statutory. Presents up-to-date information in this remarkable growth area, with clear explanations of the problems and pitfalls as well as the potentiality of analysing geographical data.

MORE INFO :
 INSTITUT ALAM SEKITAR MALAYSIA (EIMAS)
 03 -8926 1500
WWW.EIMAS.DOE.GOV.MY

BIL 51/202

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS



Design and Retrofit of Wastewater Treatment Plants for Biological Nutrient Removal


This book presents information that can be used for the design and operation of wastewater treatment plants that utilize biological nutrient removal processes, i.e., processes that utilize biological mechanisms instead of chemical mechanisms, to remove phosphorus and nitrogen from wastewaters.

More Info : ☎ 03 - 8926 1500 🌐 www.eimas.doe.gov.my

BIL 52/202

PERPUSTAKAAN ENVIRO DIGITAL@EIMAS

Water Supply and Pollution Control



The latest edition of this bestselling work continues to offer a state-of-the-art look at modern water management. It emphasizes the application of scientific methods to problems associated with the development, movement, and treatment of water and wastewater. Recognizing that all waters are potential sources of supply, the book's tradition of presenting treatment processes in context of what they can do, rather than in the context of water or wastewater treatment, is becoming more appropriate as the concept of total water management gains greater acceptance.


MORE INFO : ☎ 03 -8926 1500 🌐 www.eimas.doe.gov.my

Koleksi Buku di Perpustakaan EIMAS dan Ibu Pejabat JAS

Perpustakaan Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 – 8871 2000
Faks : 03 – 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727



Perpustakaan
Institut Malaysia Alam Sekitar (EIMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia
Beg Berkunci No 24
43600 Bangi
Selangor Darul Ehsan.
Latitud : 2.9255121 Longitud :101.7883249
Tel: 03-8926 1500/ 03-89262005/
03-89261368/ 03-89250873/ 03-89261369
Faks: 03-8926 1700





ENVIRONMENTAL AWARENESS

E E X P A W F Y E X O O L M U A F Z S
 W O F M O U N T A I N S A A N N T M O
 A L E C A L R E U S E V A E E B R N I
 S I A L N G R O W T H T U I K Z E A L
 T T R E I R E D U C E D S G Q E E I M
 E T T A M A U R E C Y C L E Y N S E O
 W E H N A F Q G E N V I R O N M E N T
 C R F A L L O R P L A N T A B I H J H
 O N E I Q B E A Y G R E E N U T L E E
 N R A R D F U S O A W C A H P E I C R
 S F L O W E R S P O L L U T E I O N O N
 E R U R I V E R S S T R E A M S M L A
 R R P T S X W W L W A V A I L D A O T
 V L A I T E D D S M A U Q U G M E G U
 E H O Y N U A I R C O N T R O L V Y R
 W A T E R F V C J F U Z M R H M J U

animal	reuse	reduce	water	grass	waste
environment	green	conserve	air control	recycle	pollution
ecology	streams	litter	plant		
growth	rivers	mother nature			
mountains	earth	flowers			
clean air	trees	soil			





**Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Aras 1 – 4, Podium 2 & 3
Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya
Telefon : 03 – 8871 2000
Faks : 03 – 8888 9987
Hotline : 1-800-88-2727**

www.doe.gov.my

“ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

